

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

YUP 405 - Perhubungan Awam

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT soalan.

1. Daripada kajian-kajian kes yang telah dipelajari berikan satu masalah komunikasi yang khusus bagi sebuah negara yang bermasyarakat majmuk. Nyatakan secara terperinci pendekatan-pendekatan Perhubungan Awam yang boleh digunakan apabila masalah ini dihadapi dan yang membantu mengelak/mengatasinya. Berikan contoh-contoh daripada kajian kes yang telah dipelajari.
(25 markah)
2. "Perhubungan Awam boleh dibezakan daripada Propaganda." Jelaskan bagaimana kedua-dua konsep ini boleh dibezakan dan mengapakah perbezaan ini penting?
(25 markah)
3. Pilih satu dilema etika yang dihadapi oleh pengamal Perhubungan Awam. Terangkan bagaimana dan dengan menggunakan kriteria apakah dilema itu boleh diselesaikan? Beri justifikasi mengapa penyelesaian yang anda pilih adalah jalan yang paling sesuai.
(25 markah)
4. Nasihat anda telah diminta untuk menerangkan bagaimana sesuatu ucapan yang berbentuk pemujukan patut ditulis kepada audien-audien yang mempunyai ciri berikut:
 - a. 90% daripada audien anda mempunyai pendidikan sekolah rendah sahaja.
 - b. kemungkinan besar audien tidak bersetuju dengan pembedato.
 - c. terdapat golongan-golongan dalam audien yang mempunyai norma-norma kumpulan yang kuat.

...2/-

Nasihat anda perlulah berdasarkan kepada:

- i. bagaimana sesuatu isu itu perlu dipersembahkan.
- ii. bentuk rayuan/pemujukan yang bagaimanakah perlu digunakan.
- iii. bagaimanakah pemedato/penyampai tersebut perlu memperkenalkan diri beliau kepada audien.

Apakah perbezaan nasihat yang anda akan berikan jika audien ditukar kepada golongan berpendidikan universiti sementara faktor-faktor lain tidak berubah?

(25 markah)

5. Apakah peranan Perhubungan Awam di dalam sesuatu keadaan krisis? Bagaimana dan dengan cara apakah Perhubungan Awam dapat menolong mengelakkan keadaan krisis?

(25 markah)

6. Bincangkan satu kempen pemasaran sosial berdasarkan pembacaan. Apakah elemen-elemen penting di dalam pemasaran sosial? Bagaimanakah pemasaran sosial berlainan dengan Perhubungan Awam?

(25 markah)

7. Penyelidik telah mengenalpastikan tiga tahap yang berbeza dalam proses penyebaran khabar angin. Terangkan tahap-tahap ini. Berdasarkan tahap-tahap ini, apakah nasihat dan strategi yang boleh anda beri sebagai seorang pengamal Perhubungan Awam untuk menentang khabar angin?

(25 markah)

-oooOooo-